



IZHAM menebar jala menangkap ikan Pleco di Sungai Langat di Denai Sungai Kebangsaan Sungai Langat, Bangi. - Gambar NSTP/AIZUDDIN SAAD

HM 2/9/2024 pg 19

Insentif **RM1** setiap sekilogram pleco

Kerajaan Selangor sasar tangkap 50,000kg ikan bandaraya di Denai Sungai Kebangsaan, Sungai Langat sepanjang bulan ini

Oleh Sudirman
Mohd Tahir
sudirman@hmetro.com.my

Bangi

Kerajaan Selangor menyasarkan 50,000 kilogram (kg) atau 50 tan ikan bandaraya (pleco) ditangkap di Denai Sungai Kebangsaan, Sungai Langat sepanjang bulan ini.

Exco Infrastruktur dan Pertanian, Izham Hashim berkata, menerusi program itu, kerajaan negeri turut menyediakan insentif RM1 bagi setiap kilogram tangkapan ikan.

Menurutnya, insentif tangkapan itu sebagai langkah mengurangkan populasi ikan yang menjadi antara faktor penyebab runtuhan tebing sungai dan ban.

"Sepanjang bulan ini iaitu pada setiap Sabtu dan Ahad, kita menyasarkan tangkapan sebanyak 50,000kg. Bermakna, kerajaan negeri memperuntukkan RM50,000 sebagai inisiatif kepada peserta yang terbabit.

"Saya dapati sambutan



PEMBURU ikan pleco menunjukkan hasil tangkapan.

diberikan orang ramai sangat memberangsangkan. Ini bukan kerja saya seorang tapi kerjasama semua pihak dan kalau boleh kita mahu program ini berterusan.

"Saya juga berkeyakinan kita boleh mengurangkan dan hapuskan terus bukan

saja ikan bandaraya, malah ikan lain terutama spesies invasif," katanya pada program pemuliharaan sumber perikanan darat dan pemberian insentif pemburu ikan Pleco di Denai Sungai Kebangsaan, Sungai Langat di sini, semalam.

Pada program itu, sebanyak 21 kumpulan mengambil bahagian membabitkan lebih 60 peserta yang mengambil bahagian bermula seawal jam 8 pagi hingga jam 1 tengah hari.

Izham berkata, semua hasil tangkapan akan diproses untuk dijadikan makanan haiwan mikro-nutrien tinggi dan baja organik menggunakan Teknologi Bio-Nano Yansys.

"Kualiti ikan ini apabila kita buat baja sangat luar biasa jadi potensi itu sangat baik untuk kita komersial," katanya.

"Sepanjang bulan ini iaitu pada setiap Sabtu dan Ahad, kita menyasarkan tangkapan sebanyak 50,000kg. Bermakna, kerajaan negeri memperuntukkan RM50,000 sebagai inisiatif kepada peserta yang terbabit"

Exco Infrastruktur dan Pertanian, Izham Hashim